

LEBARAN SYAWAL TIGA SERANGKAI



LEBIH 1,000 tetamu mengunjungi Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd. (Senai Airport), Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan Johor Port di Hotel Mutiara, Johor Bahru semalam.

Yang turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif Senai Airport, Mohd. Rani Hisham Samsudin; Ketua Pegawai Eksekutif PTP, Glen Hilton dan Ketua Pegawai Eksekutif Johor Port, Shahrul Allam Shah Abdul Halim.

Antara tetamu yang hadir ialah Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation Bhd., Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh; Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar

Malaysia (IRDA), Datuk Ismail Ibrahim dan Timbalan Ketua Polis Johor, Datuk Ismail Yatim.

Tetamu yang menghadiri majlis bermula pukul 5.30 petang hingga 8.30 malam itu dihidangkan dengan pelbagai juadah perayaan antaranya nasi beriani, sate, kambing golek, kuih-muih dan buah-buahan.

■ **GLEN HILTON** (kanan) dan Shahrul Allam Shah Abdul Halim (dua dari kanan) berbual dengan tetamu dalam Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran Senai Airport, PTP, dan Johor Port di Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/FATHIN SUHAIRA ABD. RAHIM